

Berita Harian Mei 2019

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
1.	Jumaat 3 Mei 2019	Bung Moktar didakwa tiga tuduhan rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	3
2.	Sabtu 4 Mei 2019	MESTECC sediakan dana RM24 juta untuk geran penyelidikan	Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin	5
3.	Isnin 6 Mei 2019	Kerajaan belanja RM15.5 juta selenggara Equanimity - Peguam Negara	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	8
4.	Selasa 7 Mei 2019	SRC hanya layak RM1 bilion	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	10
5.	Selasa 7 Mei 2019	1MDB: Malaysia terima pemindahan pertama RM236 juta dari AS - Peguam Negara	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	13
6.	Selasa 14 Mei 2019	Kementerian Pertahanan mula siarkan laporan siasatan 16 projek 'land swap'	Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu	16
7.	Selasa 14 Mei 2019	Land Swap: Sesiapa boleh disiasat termasuk Perdana Menteri	Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad	18
8.	Selasa 14 Mei 2019	Kementerian Pertahanan buat dua laporan kepada SPRM	Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu	20
9.	Rabu 15 Mei 2019	Kerajaan kerugian RM26.87 juta projek PUSPAHANAS lewat disiapkan	Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS)	21
10.	Rabu 15 Mei 2019	Pendedahan skandal kewangan YaPEIM kembalikan kepercayaan orang ramai	Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof	24
11.	Rabu 15 Mei 2019	Penyelewengan pembalakan di Mersing, Johor tunggu laporan Jabatan Perhutanan	MENTERI Besar, Datuk Dr Sahruddin Jamal.	26
12.	Khamis 16 Mei 2019	Kementerian tidak boleh siasat penyelewengan hutan di Johor	Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Tengku Zulpuri Shah Raja Puji	28
13.	Khamis 16 Mei 2019	Dana Tabung Harapan Malaysia akan diguna bayar hutang 1MDB	MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng	30

Bil.	Tarikh	Tajuk Berita	Catatan	Muka Surat
14.	Selasa 21 Mei 2019	NFC sudah ada pembeli baharu sedia bayar baki pinjaman	PENGERUSI National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail	32
15.	Selasa 21 Mei 2019	Kerajaan buat tuntutan mahkamah terhadap hutang NFC	Menteri Kewangan, Lim Guan Eng	34
16.	Jumaat 24 Mei 2019	1MDB: Keselamatan Jho Low terjamin jika pulang ke Malaysia - KPN	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	36
17.	Khamis 30 Mei 2019	1MDB: Malaysia rayu keputusan Mahkamah Dagang London	1Malaysia Development Berhad (1MDB).	38
18.	Khamis 30 Mei 2019	SPRM bakal guna undang-undang baharu dakwa syarikat terbabit rasuah	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)	40



DATUK Seri Bung Moktar hadir di Mahkamah Sesyen Jenayah, Kuala Lumpur

1. Bung Moktar didakwa tiga tuduhan rasuah

KUALA LUMPUR: Ahli Parlimen Kinabatangan, Datuk Seri Bung Moktar Radin, mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas tiga tuduhan memperoleh rasuah membabitkan RM2.8 juta berhubung Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan Berhad (FELCRA) empat tahun lalu.

Bung Moktar membuat pengakuan itu selepas tiga tuduhan terbabit dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Rozina Ayob.



BUNG Moktar dan isteri hadir di Mahkamah Sesyen Jenayah, Kuala Lumpur. - NSTP/Mohamad Shahril Badri Saali

Mahkamah kemudian membenarkan Bung Moktar dibebaskan dengan ikat jamin RM100,000 dengan seorang penjamin dan beliau turut diarahkan menyerahkan pasport kepada mahkamah.

Hakim Rozina turut menetapkan sebutan kes pada 10 Jun ini.



Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin dalam sidang media pencapaian setahun Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) di bawah kerajaan Pakatan Harapan baru-baru ini

2. MESTECC sediakan dana RM24 juta untuk geran penyelidikan

PUTRAJAYA: Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) menyediakan dana bagi geran penyelidikan dan pembangunan (R&D) berjumlah RM24 juta tahun ini bagi meningkatkan ekonomi dan mencipta kekayaan negara melalui bidang sains dan teknologi.

Menterinya, Yeo Bee Yin, berkata 50 peratus daripada dana itu diperuntukkan bagi penyelidikan industri termasuk menempatkan penyelidik di MESTECC ke sektor swasta dengan berkongsi maklumat dan hasil penyelidikan.

"Kita menasarkan untuk mendapatkan lebih banyak geran pada tahun depan dan antara yang kita laksanakan ialah membuka peluang potensi penggunaan 1,200 peralatan saintifik kepada sektor industri dan swasta dengan berkongsi peralatan itu dalam usaha merancakkan lagi kerjasama R&D.

"Fasiliti Perkongsian Kemudahan dan Peralatan Saintifik Nasional atau NSFE ini adalah inisiatif MESTECC bagi menggalakkan sektor industri untuk bekerjasama dengan sektor awam yang akan meningkatkan sumbangan perbelanjaan sektor industri dalam R&D mencapai sehingga 70 peratus," katanya pada sidang media setahun pentadbiran Pakatan Harapan (PH) di sini.

Secara keseluruhan, MESTECC menggariskan sebanyak 73 inisiatif dalam lima sektor dalam tempoh 10 bulan ini, di mana 17 daripadanya di bawah sektor Sains, Teknologi dan Inovasi.

Bee Yin berkata pihaknya juga melaksanakan program Penukaran Saintifik Penyelidik Industri (RISE) dengan menghantar 100 penyelidik dari MESTECC di sektor swasta dalam tempoh enam bulan hingga dua tahun untuk berkongsi data dan peralatan.

"Kita juga membangunkan inisiatif perkongsian data secara terbuka bagi memastikan ia boleh dikongsi antara penyelidik di seluruh negara supaya mereka lebih kompetitif... kita menjangkakan dalam tempoh dua tahun ini ada platform terbaru dengan perbincangan diadakan bersama universiti penyelidikan," katanya.

Beliau berkata kementerian juga akan menubuhkan pusat sains bergerak ke seluruh negara termasuk di luar bandar dengan sasaran 600,000 pelajar akan mendapat manfaat daripadanya dalam menggalakkan mereka meminati bidang sains dan teknologi.

Bee Yin berkata, kementeriannya juga memberi lebih fokus pada pertumbuhan tenaga hijau, antaranya dengan memperuntukkan tender 500 megawatt bagi tenaga solar berskala besar bulan lalu yang bernilai RM2 bilion.

"Kita mendapat maklum balas menggalakkan apabila berjaya menjual 719 dokumen tender solar berskala besar yang ditawarkan bulan lalu," katanya.

Beliau berkata, menerusi tiga insentif pembiayaan hijau iaitu Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (GTFS), Potongan Cukai Pelaburan Hijau (GITA) dan Pengecualian Cukai Pendapatan Hijau (GITE), pihaknya berjaya meningkatkan daripada sembilan aktiviti dalam sektor itu kepada 40 aktiviti untuk tahun ini.

"Pertumbuhan industri hijau penting. Contohnya, setiap satu gigawatt dihasilkan daripada loji jana kuasa konvensional menghasilkan 0.06 peluang pekerjaan, sedangkan satu gigawatt dihasilkan tenaga solar bersamaan enam peluang pekerjaan," katanya.

Selain itu, kementeriannya juga memperbaharui program pemeteran tenaga bersih (NEM) yang berjaya meningkatkan penggunaan teknologi solar di kilang, pusat beli belah dan premis pekerjaan.

"Dahulu kita jual tenaga elektrik solar kepada Tenaga Nasional Berhad (TNB) pada harga 31 sen per kWh kilowatt-jam dan membelinya semula pada harga kira-kira 50 sen per kilowatt-jam.

"Menerusi pembaharuan NEM bermula Januari lalu, harga jual dan beli adalah sama dan maklum balas industri menggalakkan apabila sebanyak 11 megawatt daripada 500 megawatt diperuntukkan, dijual dalam tempoh dua bulan berbanding hanya 17 megawatt dalam tempoh tiga tahun ketika dilaksanakan kerajaan lalu," katanya.

Bagi sektor perubahan iklim pula, pihaknya akan menubuhkan Pusat Perubahan Iklim dengan memanfaatkan peruntukan dan agensi sedia ada untuk mengkaji kesan terhadap aspek itu dan bagaimana Malaysia boleh bersedia menghadapi perkara berkenaan.

Beliau turut menyifatkan setahun bukan tempoh yang mencukupi untuk menilai kerajaan baharu berikutan PH terpaksa mewarisi daripada kerajaan terdahulu yang 'sukar' dan penuh mencabar.

Namun, katanya, apa yang penting ialah kerajaan belajar dan membaiki kekurangan daripada pentadbiran terdahulu daripada hanya menyalahkan mereka.

"Tidak berguna jika menyalahkan sesiapa tetapi yang paling penting ialah kita buat yang terbaik... kerajaan tidak akan boleh jadi sempurna tetapi persoalannya adakah kita sudah membuat yang terbaik... ini kerana kuasa yang besar datang dengan tanggungjawab yang berat," katanya.



KAPAL mewah 'The Equanimity'.

3. Kerajaan belanja RM15.5 juta selenggara Equanimity - Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Kerajaan membelanjakan kira-kira RM15.5 juta untuk menahan dan menyelenggara kapal mewah Equanimity sepanjang sembilan bulan tempoh penahanannya sehingga ia diserahkan kepada pembeli.

Ketika memperincikan kos ditanggung kerajaan, Peguam Negara, Tommy Thomas, berkata kos pengoperasian bagi menyelenggara kapal mewah terbabit adalah perbelanjaan paling besar ditanggung kerajaan iaitu hampir RM12.7 juta.

Katanya, kos berkenaan termasuk yuran agensi untuk ejen tempatan; yuran pengurusan syarikat profesional; gaji anak kapal; insurans 'protection and indemnity' bagi kapal; bahan ganti; kerja penambahbaikan; penyelenggaraan dan sebagainya.

"Kira-kira RM407,000 dibelanjakan untuk caj berlabuh dari Ogos sehingga November 2018, ketika Equanimity berlabuh di Boustead Cruise Centre, Pelabuhan Klang, sebelum kapal tersebut dialihkan ke Pangkalan Tentera Laut di Langkawi (tanpa sebarang caj).

"Lebih kurang RM400,000 dibelanjakan untuk mendapatkan perkhidmatan penilai dan pentaksir yang bereputasi baik dan terkemuka bagi mentaksir nilai keseluruhan kapal berkenaan. Pelantikan ini merupakan satu keperluan dalam jualan kehakiman.

"Terakhir, sebanyak RM2 juta dibelanjakan untuk yuran guaman bagi Tetuan Joseph & Partners selaku peguam cara yang mewakili Kerajaan Malaysia dan kumpulan syarikat 1MDB, yuran kaunsel bagi Ong Chee Kwan dan nasihat guaman asing Tetuan Holman Fenwick Willan berhubung proses untuk

menyahdaftarkan dan mendaftarkan semula kapal di beberapa pilihan negara 'red ensign,' katanya dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Bagaimanapun, Thomas berkata, jumlah sebanyak RM15.5 juta ini bukanlah jumlah yang muktamad namun beliau percaya perbelanjaan yang masih belum dibayar adalah jauh lebih kecil.

"Secara relatifnya, jumlah ini yang bersamaan dengan kira-kira AS\$3.75 juta, adalah kecil berbanding dengan semua perkhidmatan diberikan sepanjang 9 bulan.

"Sekiranya kapal berkenaan ditahan di tempat lain di dunia ini, kosnya mungkin boleh mencecah dua hingga tiga kali ganda lebih besar malah tiada komisen yang perlu dibayar kepada broker kerana jualan ini dirundingkan secara terus," katanya.

Thomas berkata, terdapat proses saringan dan kelulusan yang berlapis terhadap semua bayaran yang dibuat dalam penyelenggaraan serta pemeliharaan Equanimity ketika dalam tahanan.

Katanya, pasukan guaman dan pasukan perakaunan itu bertindak selaku lapisan saringan yang pertama.

"Selepas perbelanjaan diluluskan, invois akan dikemukakan ke jabatan peguam negara untuk saringan kedua, dan selepas itu oleh Syerif Mahkamah Admiralty.

"Hanya selepas diluluskan di ketiga-tiga peringkat barulah invois ini dikemukakan kepada Lembaga Pengarah 1MDB untuk kelulusan pembayaran.

"Bagi yuran guaman, semua invois disertakan dengan lembaran masa terperinci, yang membutirkkan setiap tugas dilaksanakan bagi setiap jam dicaj di dalam invois berkenaan dan juga dokumen sokongan untuk semua perbelanjaan yang dibelanjakan," katanya.

Thomas berkata, jualan itu membuktikan kemampuan sistem perundangan negara ini untuk memberikan perkhidmatan bertaraf dunia dalam cabang perundangan yang khusus, undang-undang Admiralty dan dalam pemberian perkhidmatan sokongan bagi memastikan kapal layar besar berkenaan berada dalam keadaan yang baik dan selamat selama sembilan bulan.



Bekas Penolong Naib Presiden KWAP, Bahagian Pendapatan Tetap, Amirul Imran Ahmat.

4. SRC hanya layak RM1 bilion

KUALA LUMPUR: Permohonan SRC International Sdn Bhd bagi pinjaman wang berjumlah RM3.95 bilion daripada Kumpulan Wang Persaraan (KWAP) pada tahun 2011 hanya boleh diluluskan dengan had kelayakan RM1 bilion saja.

Bekas Penolong Naib Presiden KWAP, Bahagian Pendapatan Tetap, Amirul Imran Ahmat, berkata had kelayakan pinjaman itu adalah berdasarkan kepada dokumen Kertas Panel Pelaburan yang disediakannya bagi proses pembiayaan kepada SRC.

Amirul Imran yang menjawab soalan peguam Harvinderjit Singh yang mewakili Datuk Seri Najib Razak pada sesi soal balas, berkata beliau sehubungan itu mengesyorkan kepada KWAP bahawa had kelayakan pinjaman SRC hanya RM1 bilion.

Amirul Imran menolak cadangan Harvindenit bahawa pendiriannya terhadap had kelayakan pinjaman RM1 bilion itu berubah selepas beberapa tahun KWAP memberikan pinjaman tambahan kepada SRC pada tahun 2012.

Saksi itu berkata, beliau sentiasa dengan pendirian berdasarkan kepada pernyataan saksi bahawa SRC hanya layak kepada pinjaman RM1 bilion bagi pinjaman pertama itu.

Pada perbicaraan sebelum ini, Amirul Imran memberitahu mahkamah, beliau mengemukakan emel kepada Ketua Pegawai Eksekutif SRC, Nik Faisal Ariff Kamil, pada 30 Jun 2011 bagi mendapatkan beberapa dokumen tambahan butiran komprehensif pelaburan sedia ada IMalaysia Development Berhad (1MDB) bagi pinjaman pertama RM3.95 bilion untuk SRC.

Saksi itu kemudian menjelaskan, beliau menerima emel daripada Nik Faisal yang menyatakan bahawa 1MDB tidak dapat memberikan dokumen berkenaan kerana projek hartanah masih di peringkat perancangan utama.

Berikut itu, saksi ke-29 pendakwaan itu memberitahu Mahkamah Tinggi, beliau diarahkan ketuanya Allahyarham Ahmad Norhisham Hassan untuk menyediakan kertas cadangan bagi kelulusan Panel Pelaburan untuk pinjaman RM1 bilion saja.

Sementara itu, saksi berkata bahawa Panel Pelaburan KWAP akan menolak permohonan pinjaman kepada SRC jika mereka boleh berbuat demikian.

Harvinderjit: Adakah panel KWAP boleh menolak Kertas Pelaburan bagi pinjaman SRC?

Saksi: Boleh, tetapi saya bukan ahli panel dan tidak boleh beri cadangan seperti itu kepada panel.

Amirul Imran juga bersetuju dengan peguam itu yang beliau mengeluarkan pendapat peribadi bahawa Panel Pelaburan tiada pilihan melainkan meluluskan pinjaman itu.

Katanya ia juga adalah pendapat peribadinya bahawa Panel Pelaburan tidak mempunyai pilihan melainkan menangguhkan Kertas Pelaburan yang mengesyorkan had kelayakan pinjaman SRC hanya RM1 bilion.

Harvinderjit: Adakah kedudukan kamu bahawa KWAP boleh mengurangkan risiko pembayaran dengan mengehadkan pinjaman SRC kepada RM1 bilion?

Saksi: Ya

Harvinderjit: Adakah KWAP mengesyorkan untuk mengenakan terma tambahan bagi pembiayaan RM2 bilion kepada SRC?

Saksi: Ya, kerana kami meminta jaminan kerajaan, selain hanya jaminan korporat daripada 1MDB.

Harvinderjit turut mencadangkan kepada Amirul Imran bahawa saksi itu mengesyorkan dua pilihan kepada KWAP untuk mengurangkan risiko pembayaran balik pinjaman berkenaan.

Harvidenrjit berkata, pilihan pertama adalah memberikan pinjaman RM2 bilion itu kepada SRC dengan disokong oleh Jaminan Kerajaan dan mengagihkan dana kepada 1MDB.

Peguam itu berkata, pilihan kedua ialah mengagihkan wang itu kepada kerajaan dan menamakannya (kerajaan) sebagai peminjam.

Saksi kemudian mengesahkan bahawa beliau mengemukakan dua cadangan itu.

Ditanya Harvinderjit berhubung perbezaan di antara kerajaan sebagai penjamin dan kerajaan selaku peminjam, saksi itu berkata jika pinjaman dijamin kerajaan, maka KWAP perlu menunggu sehingga

terdapat keingkaran dalam pembayaran balik sebelum menghubungi Putrajaya bagi mendapatkan pembayaran.

"Bagaimanapun, jika kerajaan adalah peminjam bagi pinjaman ini, kita tidak perlu menunggu pembayaran balik dimungkiri kerana kerajaan perlu menunaikan tanggungjawab membayar secara langsung," katanya.



GAMBAR fail, anak tiri bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, Riza Aziz hadir ke Ibu Pejabat SPRM bagi memberi keterangan berhubung skandal 1MDB, Julai tahun lalu

5. 1MDB: Malaysia terima pemindahan pertama RM236 juta dari AS - Peguam Negara

KUALA LUMPUR: Malaysia sudah menerima pemindahan pertama dana yang dikaitkan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebanyak AS\$57 juta (RM236 juta) dari Amerika Syarikat (AS) yang disita daripada Red Granite Pictures.

Red Granite Pictures adalah syarikat pembikinan filem berpangkalan di AS yang dikaitkan dengan bekas Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan anak tirinya Riza Aziz.

Perkara itu disahkan Peguam Negara, Tommy Thomas yang berkata, pembayaran pertama dana itu diperoleh semula hasil daripada penyitaan aset berkaitan 1MDB di bawah Inisiatif Pemulihan Aset Kleptokrasi oleh Jabatan Keadilan AS (DOJ).

"Pemindahan pertama dana yang dipulangkan sebanyak AS\$57,036,688.68 dikreditkan ke dalam akaun pemulihan aset 1MDB, sebuah akaun amanah yang dibuka secara khusus untuk tujuan ini.

"Dana itu turut diperoleh susulan penyelesaian sebanyak AS\$60 juta (RM249 juta) yang direkodkan di Mahkamah California, baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan akhbar hari ini.

Riza adalah Ketua Eksekutif Red Granite Pictures dan menerbitkan filem Hollywood 'Wolf Wall Street' yang disaman DOJ bagi tujuan memulangkan AS\$1 bilion dana didakwa disalahgunakan berasal dari 1MDB.

Thomas berkata, sejumlah AS\$3 juta (RM12.45 juta) ditolak untuk membayar semula kos dibelanjakan DOJ dan Biro Penyiasatan Persekutuan (FBI) untuk menyiasat, menyita, membicarakan dan mencapai penyelesaian bagi dana Red Granite Pictures.

Katanya, kos ini termasuk yang dibelanjakan DOJ dan FBI untuk menyiasat, menyita dan memelihara kapal layar mewah, Equanimity ketika kapal terabit ditahan di perairan Indonesia sebelum dibawa ke perairan negara ini.



JABATAN PEGUAM NEGARA, MALAYSIA
SETIAKAWAN Y-GENERAL & SECRETARIAL, MALAYSIA
NO.45, PERSIARAN PERDANA, PRESINT 4
PUTRAJAYA 62100 PUTRAJAYA

Tel: 03-9812 2000
Fax: 03-9890 5000
Web: www.agp.gov.my

KENYATAAN MEDIA

PENGHANTARAN PULANG WANG 1MDB

Dengan sukacitanya Kerajaan Malaysia mengumumkan bahawa Kerajaan Amerika Syarikat (AS) telah pun menghantar pulang, dan akan memulangkan sejumlah besar wang ke Malaysia, yang merupakan pembayaran pertama bagi dana yang diperoleh semula hasil daripada penjualan aset-aset yang berkaitan dengan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) di bawah Inisiatif Pemulihan Aset Kleptokrasi oleh Jabatan Keadilan (DOJ) AS.

Baru-baru ini DOJ telah mengumumkan bahawa daripada USD4.5 billion yang telah dipindahkan secara salah daripada 1MDB, aset-aset yang sedang diusahakan oleh DOJ untuk disita melalui pelbagai tindakan aduan sivil yang difaikkan sejak tahun 2016 sehingga tahun 2019 dianggarkan bernilai sebanyak USD1.7 billion. Aset-aset ini termasuklah kapal layar besar mewah, Equanimity yang telah dijual secara kehakiman oleh Mahkamah Admiralti Malaysia bulan lepas pada harga USD126 juta.

Pemindahan pertama dana yang dipulangkan sebanyak USD57,036,688.68 telah dikreditkan ke dalam akaun pemulihan aset 1MDB, sebuah akaun amanah, yang dibuka secara khusus untuk tujuan ini. Jumlah ini disita daripada Red Granite Pictures, sebuah syarikat pembikinan filem yang berpangkalan di Singapura yang dikaitkan

1

"DOJ kini juga dalam proses menghantar pulang sejumlah AS\$139 juta (RM576.85 juta) wang yang diperoleh hasil daripada jualan kepentingan milik Jho Low dalam Hotel Park Lane di Manhattan, New York.

"Semua kos dibelanjakan DOJ dan FBI untuk menyiasat, menyita, membicarakan dan mencapai penyelesaian bagi aset Hotel Park Lane akan ditolak daripada wang penyelesaian berkenaan dan bakinya akan dikreditkan ke dalam akaun pemulihan aset 1MDB dalam waktu terdekat," katanya.

Katanya, DOJ baru-baru ini mengumumkan daripada AS\$4.5 bilion (RM18.67 bilion) yang dipindahkan secara salah dari 1MDB, aset yang sedang diusahakan untuk disita DOJ melalui pelbagai tindakan aduan sivil yang difaikkan sejak tahun 2016 sehingga tahun ini dianggarkan bernilai AS\$1.7 bilion (RM7 bilion).

Beliau berkata, aset itu termasuk kapal layar mewah, Equanimity yang dijual secara kehakiman oleh Mahkamah Admiralti Malaysia bulan lalu pada harga AS\$126 juta (RM522.9 juta).

Sementara itu Thomas berkata, Malaysia setakat ini berjaya mendapatkan semula dana berjumlah AS\$322 juta (RM1.3 bilion) nilai daripada aset sejak siasatan ke atas syarikat kontroversi itu bermula secara efektif selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU-14) pada Mei 2018.

Beliau berkata, Malaysia juga bakal menerima SGD50 juta (RM152.5 juta) daripada dana berkaitan dengan 1MDB menerusi keputusan Mahkamah di Singapura.

"Sejumlah SGD15 juta (RM45.75 juta) dikreditkan ke dalam akaun aset pemulihan 1MDB antara September tahun lalu sehingga Mac lalu. Baki sebanyak SGD35 juta (RM106.75 juta) akan dikreditkan tidak lama lagi," katanya.

Thomas berkata, pemulihan aset ini tidak mungkin dapat dicapai tanpa bantuan dan kerjasama baik pihak berkuasa Malaysia dengan rakan sejawat di AS serta Singapura.

"Kami menyatakan terima kasih kepada mereka. Usaha mendapatkan semula aset 1MDB di seluruh dunia masih berjalan dan Malaysia yakin lebih banyak wang bakal diperoleh semula pada bulan mendatang," katanya.

**MINDEF**

6. Kementerian Pertahanan mula siarkan laporan siasatan 16 projek 'land swap'

KUALA LUMPUR: Orang awam kini boleh membaca laporan siasatan penuh 16 projek 'land swap' tanah Kementerian Pertahanan dengan memuat turun dari portal rasmi kementerian.

Dalam kenyataan medianya, Kementerian Pertahanan memaklumkan Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan disiarkan secara berperingkat mulai semalam sehingga Jumaat ini.

Kata kenyataan itu, Kementerian Pertahanan mengambil serius penemuan, teguran dan syor yang dikemukakan jawatankuasa siasatan ini.

"Kementerian juga membuat dua laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) supaya melakukan siasatan terperinci seterusnya mengambil tindakan lanjut," menurut kenyataan media itu.

Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, sebelum ini membentangkan laporan siasatan jawatankuasa di Dewan Negara pada 9 Mei lalu dan mengumumkan laporan itu akan disiarkan secara berperingkat di portal Kementerian Pertahanan.

Mohamad berkata, kerajaan dianggarkan mengalami kerugian atau ketirisan melebihi RM500 juta sepanjang tempoh pelaksanaan 16 projek 'land swap' tanah Kementerian Pertahanan di pelbagai peringkat pelaksanaan.

Katanya, kesemua 16 projek 'land swap' membabitkan tanah berkeluasan 1,182 hektar tanah milik Kementerian Pertahanan di antaranya sudah dan akan dipindah milik.

Sementara itu, setakat jam 11 pagi hari ini, BH mendapati hanya tiga laporan boleh dimuat turun iaitu Laporan Kem Hutan Melintang, Perak; Laporan Kem Batu Kentonmen, Selangor dan Laporan Kem Paloh / Kinrara.

Laporan untuk hari ini, masing-masing Laporan Kem Sungai Buloh, Laporan Kem Sungai Besi dan Laporan Kem Batu Pahat, Johor, bagaimanapun masih belum disiarkan untuk dimuat turun.

Tiga laporan yang akan disiarkan esok membabitkan Laporan Kem Transit Kem Wataniah 502 AW, Laporan Kem Terendak Kem Sungai Putat, Melaka dan Laporan Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS).

Bagi siaran Khamis pula, ia membabitkan Laporan Kem Brinchang, Pahang; Laporan Kompleks 7 Briged Skudai, Johor dan Laporan Kompleks Markas 2 Divisyen Bayan Lepas, Pulau Pinang.

Laporan Kompleks Markas Divisyen 1 Muara Tuang, Kuching, Sarawak; Laporan Depot Peluru 71 Batalion Ordnan Divisyen, Laporan Pembangunan Fasiliti Kem Muara Tuang dan Penrisen serta Laporan Fasiliti Skuadron 323 akan disiarkan pada Jumaat ini.



Perdana Menteri, Tun Mahathir Mohamad melancarkan **myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir** di Putrajaya, hari ini. Turut sama, Ketua Setiausaha Negara, Dr Ismail Bakar (dua dari kiri); Pengarah Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah (GIACC), Tan Sri Abu Kassim (kiri) dan Ketua Pengarah MAMPU, Datuk Dr Mazlan Yusoff

7. Land Swap: Sesiapa boleh disiasat termasuk Perdana Menteri

PUTRAJAYA: Tun Dr Mahathir Mohamad berkata pihak berkuasa boleh menyiasat sesiapa saja termasuk Perdana Menteri berhubung isu projek pertukaran tanah (land swap) Kementerian Pertahanan.

Perdana Menteri berkata, ini kerana tiada sesiapa di negara ini yang berada di atas undang-undang termasuk perdana menteri.

"Polis (pihak berkuasa) akan siasat perdana menteri juga, tiada sesiapa berada di atas undang-undang," katanya kepada media selepas melancarkan **myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dan Panduan Penetapan Tempoh Masa Dalam Carta Alir** di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika ditanya berhubung rumusan laporan akhir jawatankuasa siasatan Kementerian Pertahanan berhubung projek 'land swap' yang menunjukkan berlaku 'pertimbangan politik melebihi kepentingan kerajaan'.

Ketika membentangkan laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan di Dewan Negara baru-baru ini, Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu dilaporkan berkata kepentingan politik berlaku dalam 13 dari 16 transaksi pertukaran tanah yang sejak tahun 1997.

Walaupun tidak menyebutkan nama secara khusus, Mohamad berkata perdana menteri dan menteri pertahanan dalam pentadbiran sebelum ini turut terbabit dalam urusan berkenaan.

Bagaimanapun, dalam sidang akhbar susulan pada hari sama, Mohamad menafikan pembabitan Dr Mahathir dalam kes berkenaan.

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan mengkaji sama ada wujud keperluan untuk menyiaran dapanan insiden rusuhan kaum 13 Mei 1969 yang diletakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

Dalam perkembangan lain, Perdana Menteri menafikan pegawai lantikan politik mengganggu tugas penjawat awam seperti didakwa CUEPACS, sebaliknya beliau berkata, apa yang berlaku hanya teguran dan perselisihan pendapat.

"Kadang-kadang ada perselisihan pendapat, jadi tegurlah (penjawat awam), tak ganggu," katanya.

Semalam, Presiden CUEPACS, Datuk Azih Muda mendakwa masih ada insiden pegawai lantikan politik mengganggu tugas penjawat awam.

Mengenai tindakan kerajaan menghantar pulang seorang aktivis wanita ke negara asalnya, Thailand selepas dikehendaki berhubung pandangan antimonarki, Dr Mahathir berkata, Malaysia berbuat demikian atas permintaan Thailand.

Wanita terbabit, Praphan Pipithnamporn adalah pencari suaka yang berdaftar dengan Pesuruhjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk Pelarian (UNHCR), tetapi ditangkap Polis Diraja Malaysia bulan lalu atas permintaan Thailand, sebelum dihantar pulang minggu lalu.



8. Kementerian Pertahanan buat dua laporan kepada SPRM

KUALA LUMPUR: Kementerian Pertahanan sudah membuat dua laporan kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) berhubung pendedahan skandal 'Land Swap' membabitkan tanah-tanah milik kementerian itu.

Menurut kenyataan dikeluarkan hari ini, Kementerian Pertahanan mahu tindakan lanjut dan terperinci dilakukan bagi menyiasat perkara itu susulan pendedahan 16 projek 'Land Swap' itu.

Menurutnya, Laporan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus, Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang dibentangkan Menteri Pertahanan, Mohamad Sabu, di Dewan Negara Khamis lepas memberi kesan besar kepada kementerian itu khususnya kepada semua pihak yang terbabit dalam menguruskan projek 'Land Swap' agar sentiasa berhati-hati dan tidak terlibat dalam sebarang penyalahgunaan kuasa serta rasuah sehingga menyebabkan kegagalan projek, sekali gus merugikan kerajaan.

"Kementerian Pertahanan mengambil serius berhubung penemuan, teguran dan syor yang telah dikemukakan oleh jawatankuasa siasatan ini," menurut kenyataan itu.

Kementerian Pertahanan juga memaklumkan ia menyiar laporan siasatan penuh semua 16 projek 'Land Swap' itu secara berperingkat di portal rasmi kementerian bermula semalam hingga Jumaat ini.

Berdasarkan Laporan JKSTUPKK, siasatan mengenai projek 'Land Swap' itu mendapati unsur-unsur kelemahan dan kecuaian dari segi tadbir urus selain penglibatan anggota pentadbiran iaitu bekas perdana menteri dan bekas menteri pertahanan dalam 13 daripada 16 projek 'Land Swap'.

Menurut Laporan JKSTUPKK yang membuat siasatan dari Julai hingga Disember 2018, kelemahan itu termasuk dalam perancangan dan perolehan telah menyebabkan tujuan asal projek untuk meningkatkan kesiapsiagaan ketenteraan negara tidak tercapai sepenuhnya.

**MINDEF**

9. Kerajaan kerugian RM26.87 juta projek PUSPAHANAS lewat disiapkan

KUALA LUMPUR: Kelemahan urus tadbir kontrak dan kewangan serta perancangan adalah antara punca projek Pusat Pengajian Pertahanan Nasional (PUSPAHANAS) di bawah Kementerian Pertahanan (KEMENTAH) di Presint 1, Putrajaya lewat disiapkan.

Kelewatan projek bernilai RM99 juta itu yang sepatutnya siap pada 23 Oktober 2014 menyebabkan kerajaan terpaksa menanggung kos kerugian sebanyak RM26.87 juta berikutan penurunan nilai tanah yang ditukar (swap) dengan pemaju projek itu.

Tiga faktor kelemahan itu terkandung di dalam rumusan Laporan Siasatan Jawatankuasa Siasatan Tadbir Urus Perolehan dan Kewangan Kerajaan (JKSTUPKK) yang disiarkan dalam laman web KEMENTAH, hari ini.

"Justeru, tindakan punitif perlu dikenakan ke atas jabatan atau pegawai yang gagal melaksanakan tanggungjawab diamanahkan untuk mengelak kelemahan urus tadbir pada masa depan," kata laporan itu.

Berdasarkan kontrak yang ditandatangani, kos projek PUSPAHANAS adalah RM99 juta dan sebagai balasan, tiga lot tanah KEMENTAH seluas 89.3 hektar bernilai RM72.5 juta dipindah milik kepada syarikat pemaju dilantik.

Projek ini mengambil masa 11 tahun untuk dilaksanakan sejak tarikh kelulusan prinsip diputuskan Jemaah Menteri pada 26 Februari 1997 sehingga ia bermula di tapak Presint 1, Putrajaya pada 11 Ogos 2008.

Untuk rekod, Jemaah Menteri meluluskan secara prinsip projek ini dibina Syarikat Awan Megah Sdn Bhd (AMSB) di atas tanah kementerian seluas 88.4 hektar di Templer Park, Selangor pada tahun 1997.

Projek ini dilaksanakan secara penswastaan melalui kaedah pertukaran tanah (land swap), namun tidak dapat diteruskan berikutan sebahagian daripada tapak projek, bertindih dengan pembinaan Lebuhraya Kuala Lumpur - Kuala Selangor (Lebuhraya LATAR).

Pada Januari 2007, Jemaah Menteri bersetuju memindahkan PUSPAHANAS ke Presint 1, Putrajaya.

Sehingga 31 Oktober lalu, 98.13 peratus projek itu disiapkan, namun ia masih lewat 465 hari daripada tarikh sepatutnya siap iaitu 23 Julai 2017.

PUSPAHANAS dijangka mula beroperasi Jun ini, akan menempatkan Maktab Pertahanan Angkatan Tentera (MPAT), Maktab Turus Angkatan Tentera (MTAT), Institut Pertahanan dan Keselamatan Malaysia (MIDAS) serta sebuah maktab baharu, Maktab Pertahanan Nasional (NDC).

Jika diambil kira tarikh semasa pada Oktober 2018, projek ini berlarutan selama 21 tahun (sejak tahun 1997) dan masih belum disiapkan sepenuhnya.

Sementara itu, laporan jawatankuasa siasatan turut mendapati nilai tanah yang terbabit dengan pertukaran itu diturunkan selepas pemaju memohon Menteri Pertahanan ketika itu supaya nilai tanah pertukaran dikurangkan kepada RM65 juta atas alasan kejatuhan mata wang dan kelembapan ekonomi pada tahun 1997/1998.

Bagaimanapun, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta (JPPH) menilai tanah terbabit sebanyak RM77 juta berdasarkan nilai kegunaan terbaik tertinggi atau RM68 juta jika berdasarkan kegunaan cadangan pemaju.

Sebaliknya, Unit Perancangan Ekonomi (EPU) menetapkan nilai tanah pertukaran sebanyak RM72.5 juta iaitu RM77 juta untuk kegunaan terbaik dan tertinggi serta RM68 juta mengikut cadangan pemaju, sekali gus menyebabkan nilai tanah itu berkurang sebanyak RM4.5 juta.

"Jawatankuasa siasatan mendapati penetapan nilai tanah sebanyak RM72.5 juta oleh EPU ini tidak mempunyai asas yang kukuh dan diragui," kata laporan itu.

Jemaah Menteri pada Jun 2012 kemudian membuat keputusan menurunkan nilai tanah kepada RM87.5 juta berbanding harga nilai JPPH sebanyak RM94 juta selepas mengambil kira nilai diluluskan kerajaan pada tahun 2001 dan 2003.

"Jawatankuasa berpendapat nilai baharu berdasarkan penilaian tahun 2003 tidak mempunyai asas kerana projek dilaksanakan pada tahun 2011. Pengurangan nilai kepada RM87.5 juta tidak mempunyai asas kerana penilaian JPPH dikira mengikut nilai tahun 2003.

"Jawatankuasa berpandangan pengurangan sebanyak RM6.45 juta adalah kerugian kepada kerajaan," kata laporan itu.

Berdasarkan penemuan siasatan, jawatankuasa siasatan mengesyorkan KEMENTAH mengambil beberapa langkah untuk melindungi kepentingan kerajaan dalam projek berkenaan antaranya:

- * KEMENТАH perlu melalui Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian (JKPTG) memasukkan Kaveat Pendaftar bagi memelihara tiga tanah kerajaan di Kapar, Klang dan Bukit Raja, Petaling, Selangor yang terbabit dengan 'land swap' (pertukaran tanah).
- * Kaveat Pendaftar tidak akan dibatalkan sehingga syarikat pemaju memenuhi semua obligasi di dalam kontrak selain tindakan perundungan perlu diambil bagi menuntut ganti rugi daripada pemaju kerana lewat menyiapkan PUSPAHASAS.
- * KEMENТАH tidak boleh mengadakan sebarang perjanjian tambahan di antara kerajaan dan syarikat pemaju dilantik kerana dikhawatir melupuskan Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan (LAD) dan melewatkannya projek.
- * Kesemua LAD yang dikenakan kepada syarikat pemaju hendaklah dipungut dan tidak boleh dikecualikan serta KEMENТАH perlu melantik kontraktor penyelamat bagi menyiapkan projek jika pemaju dilantik gagal menyiapkan projek, dengan kos ditanggung pemaju sepenuhnya.



MENTERI di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof bergambar bersama orang ramai pada Kempen Masjid Alami (Masjid Lestari Hijau) dan berbuka puasa bersama jemaah di Masjid Jamek di Kuala Lumpur, sebentar tadi.

10. Pendedahan skandal kewangan YaPEIM kembalikan kepercayaan orang ramai

KUALA LUMPUR: Pendedahan mengenai salah laku dan kecuaian dalam pengurusan Yayasan Pembangunan Ekonomi Islam Malaysia (YaPEIM) mampu mengembalikan kepercayaan orang ramai terhadap yayasan itu pada masa depan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof, berkata pendedahan itu adalah sebahagian daripada perancangan bagi membersihkan institusi dan agensi di bawah kementeriannya termasuk YaPEIM dan Lembaga Tabung Haji (TH) daripada sebarang bentuk penyelewengan dan penyalahgunaan kuasa.

Sehubungan itu, katanya agensi seperti TH dan YaPEIM sudah melantik badan audit bebas untuk menjalankan pengauditan terhadap akaun masing-masing sejak setahun lalu.

"Kita bertindak sedemikian bagi memulihkan kepercayaan rakyat terhadap agensi berkenaan seperti TH dan sekarang YaPEIM yang mengumpul dana daripada orang ramai atas nama derma dan untuk kebajikan anak yatim termasuk menerusi potongan gaji setiap bulan.

"Kita muahu mengembalikan semula kepercayaan orang ramai selepas mereka banyak mendengar pelbagai berita negatif selepas pemulihan dilaksanakan kerajaan," katanya.

Beliau ditemui pemberita selepas melancarkan Kempen Masjid Alami (Masjid Lestari Hijau) dan berbuka puasa bersama jemaah di Masjid Jamek di sini sebentar tadi.

Yang turut hadir, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) Mohd Ajib Ismail.

Pengerusi Lembaga Pemegang Amanah YaPEIM, Datuk Dr Mohd Daud Bakar hari ini mengakui semua isu berbangkit membabitkan salah laku dan kecuaian dalam institusi itu berlaku ketika pentadbiran terdahulu yang kini sedang diatasi sebaik mungkin.

Dr Mohd Daud dilaporkan berkata pihaknya bersama pengurusan kanan akan mengadakan sidang media membabitkan semua perkara, termasuk dapatan audit oleh firma audit bebas, Pricewaterhouse Coopers (PWC), Selasa ini.

Media sebelum ini melaporkan YaPEIM berdepan pelbagai isu salah laku dan kerugian membabitkan nilai jutaan ringgit termasuk salah guna dana anak yatim.

Mengulas lanjut, Mujahid berkata beliau berharap pendedahan berkenaan bukan sahaja menggambarkan ketelusan YaPEIM, malah dapat meningkatkan kepercayaan orang ramai untuk terus menderma dan membuat amal jariah menerusi yayasan berkenaan pada masa depan.

"Kita berharap usaha ini dapat mengembalikan fungsi sebenar YaPEIM bagi membantu membangunkan ekonomi umat Islam yang sebenar.

"Saya juga menyerahkan kepada ahli lembaga pengarah untuk menentukan soal bonus kepada kakitangan YaPEIM dan menghormati keputusan mereka kerana yayasan berkenaan kini ditadbir oleh pakar ekonomi Islam terbaik dunia seperti Dr Mohd Daud dan bekas Timbalan Gabenor Bank Negara Datuk Dr Rosli Yaakob," katanya.



MENTERI Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal.

11. Penyelewengan pembalakan di Mersing, Johor tunggu laporan Jabatan Perhutanan

MUAR: Kerajaan negeri akan meminta Jabatan Perhutanan Johor untuk melihat semula tindakan yang perlu diambil bagi menangani isu penyelewengan kegiatan pembalakan di Hutan Simpan Lenggor di Mersing, dekat sini.

Menteri Besar, Datuk Dr Sahrudin Jamal, berkata beliau akan meminta jabatan berkenaan mengemukakan kaedah terbaik bagi menangani masalah berkenaan.

"Saya akan minta Jabatan Perhutanan Johor untuk melihat semula apakah tindakan proaktif yang kerajaan negeri perlu ambil (bagi mengatasi masalah itu).

"Jadi, kita akan tunggu (laporan) daripada Jabatan Perhutanan Johor dahulu " katanya ketika ditemui pemberita pada Majlis Berbuka Puasa Serta Penyampaian Sumbangan Parlimen Pagoh di Masjid Jamek Panchor di sini, hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai isu Hutan Simpan Lenggor yang dikatakan 'digondol' oleh pihak tidak bertanggungjawab baru-baru ini.

Sebelum ini, media melaporkan terdapat penyelewengan kegiatan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Lenggor yang dipercayai menyebabkan kerajaan Johor mengalami kerugian berjuta ringgit.

Selain kerajaan negeri kehilangan hasil, kegiatan itu juga merugikan rakyat di samping ia boleh menjejaskan alam sekitar.

Sementara itu mengenai insentif Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri 2019, Dr Sahruddin yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kepong berkata, beliau berharap semua penjawat awam akan dapat menggunakaninya dengan sebaiknya.

"Semua sudah maklum bahawa pada tahun ini, kerajaan Johor memberi sedikit bonus untuk penjawat awam iaitu setengah bulan gaji atau minimum sebanyak RM1,000.

"Terima kasih kepada semua penjawat awam dan gunakan dengan sebaiknya," katanya.



Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Tengku Zulpuri Shah Raja Puji (tengah) menyampaikan Anugerah Perisai Pusingan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli Sekitar kepada Mohd Haizad Hassan (kanan) pada Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) ke-32 di Bahagian Latihan Perhutanan Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia hari ini

12. Kementerian tidak boleh siasat penyelewengan hutan di Johor

KUALA LUMPUR: Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli tidak mempunyai hak dan bidang kuasa dalam menangani isu penyelewengan kegiatan pembalakan di Hutan Simpan Lenggor di Mersing, Johor.

Timbalan Menterinya, Tengku Zulpuri Shah Raja Puji, berkata isu terbabit ditangani sepenuhnya oleh kerajaan Johor berdasarkan Perkara 74(2) Perlembagaan Persekutuan berkaitan hal undang-undang persekutuan dan negeri.

"Kerajaan Persekutuan hanya membuat dasar dan akhirnya keputusan dibuat oleh kerajaan negeri dan seperti yang berlaku di Mersing, tindakan penguatkuasaan adalah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, kita menunggu laporan lengkap daripada kerajaan Johor berhubung isu berkenaan dan kementerian boleh membantu dari segi memberi nasihat mengenai apa yang boleh dilakukan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas menyempurnakan Majlis Penganugerahan Sijil Perhutanan Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) ke-32 di sini, hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, Datuk Borhanudin Arshad dan Pengarah Jabatan Hutan Sarawak, Hamden Mohammad.

Sebelum ini, media melaporkan terdapat penyelewengan kegiatan pembalakan di kawasan Hutan Simpan Lenggor yang dipercaya menyebabkan kerajaan Johor mengalami kerugian berjuta ringgit.

Selain kerajaan negeri kehilangan hasil, kegiatan itu juga merugikan rakyat di samping ia boleh menjejaskan alam sekitar.

Sementara itu, Tengku Zulpuri berkata, kementeriannya menggalakkan mana-mana kerajaan negeri yang berhasrat mewartakan hutan simpan sebagai Taman Negeri.

"Kita sentiasa menyokong apa sahaja usaha diambil oleh kerajaan negeri yang mahu mewartakan hutan simpan mereka kerana ia adalah langkah yang amat baik," katanya.



MENTERI Kewangan, Lim Guan Eng

13. Dana Tabung Harapan Malaysia akan diguna bayar hutang 1MDB

PUTRAJAYA: Dana Tabung Harapan Malaysia (THM) berjumlah RM203.2 juta akan digunakan untuk membayar hutang 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata perkara itu diputuskan pada Mesyuarat Jawatankuasa Akaun Amanah THM Bil 1/2019 pada 24 April lalu.

"Mesyuarat itu memutuskan bahawa kesemua dana dalam THM ini akan digunakan bagi melunaskan sebahagian hutang 1MDB yang berjumlah RM1.7 bilion bagi 2019.

"Walaupun dana THM ini tidak mungkin boleh melangsaike semua hutang 1MDB sebanyak RM51 bilion, THM akan kekal menjadi simbol semangat taat setia dan patriotisme rakyat Malaysia untuk melangsaike hutang negara," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

THM ditubuhkan kerajaan Pakatan Harapan (PH) pada 30 Mei 2018 untuk menerima wang derma dan sumbangan daripada mana-mana orang perseorangan dan syarikat bagi membantu kerajaan menangani isu hutang negara.

THM ditutup pada 14 Januari lalu dengan kutipan keseluruhan sebanyak RM202.7 juta.

Guan Eng berkata pelaksanaan pelaburan tetap yang ditadbir Jabatan Akauntan Negara dan faedah pelaburan yang diterima sehingga 31 Mac 2019 berjumlah RM575,342.31 menjadikan jumlah terkini akaun amanah THM sebanyak RM203.2 juta.

Katanya, sebelum ini, kerajaan memaklumkan mengenai penubuhan Jawatankuasa Akaun Amanah THM yang dipengerusikan Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi memutuskan penggunaan dana akaun amanah itu mengikut tatacara yang termaktub dalam arahan amanahnya iaitu bagi pembayaran hutang Kerajaan Persekutuan dan pembayaran balik yang perlu dilakukan bagi tujuan akaun amanah itu saja.

"Ini adalah supaya keputusan berkaitan penggunaan dana THM dilakukan secara profesional dan telus," katanya.

Guan Eng berkata kerajaan sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada seluruh rakyat Malaysia yang memberikan sumbangan kepada THM.



PENGERUSI National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC), Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail

14. NFC sudah ada pembeli baharu sedia bayar baki pinjaman

KUALA LUMPUR: National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) sudah mempunyai pembeli baharu sejak 25 Oktober tahun lalu yang bersedia untuk membayar balik sepenuhnya baki pinjaman NFC dalam masa tiga bulan daripada persetujuan kerajaan untuk penstruktur semula NFC.

Pengerusinya, Datuk Seri Dr Mohamad Salleh Ismail, berkata pihak NFC masih menunggu persetujuan kerajaan.

"Pihak pembeli baharu syarikat NFC sudah bersetuju untuk mengangkat penuh tanggungan liabiliti pinjaman asal NFC dan bersedia untuk membuat pembayaran penuh terhadap jumlah baki pinjaman sebenar dengan pihak kerajaan.

"Hasrat ini sudah dimaklumkan kepada Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad melalui surat bertarikh 21 November 2018," katanya dalam kenyataan merujuk kepada kenyataan Menteri Kewangan Lim Guan Eng, hari ini.

Dalam kenyataannya itu, Guan Eng berkata NFC belum melunaskan hutang pinjaman dengan kerajaan berjumlah RM254 juta termasuk faedah dan faedah lewat setakat 30 April 2019 dan kerajaan mahu menuntut sepenuhnya jumlah pinjaman itu.

Mohamad Salleh berkata pihak pembeli baharu juga sudah memaklumkan kepada kerajaan mengenai kesanggupan dan keyakinan mereka untuk memulihkan serta menstruktur semula syarikat NFC, termasuk pembayaran penuh baki pinjaman dengan kerajaan.

Katanya, pihak pembeli baharu dan juga kerajaan, khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, sudah berbincang dan mengatur perancangan untuk pemulihan semula projek itu bagi mencapai matlamat Keselamatan Makanan Negara, terutama dalam isu pengeluaran makanan yang terjamin Halal.

"Saya percaya kenyataan akhbar Guan Eng adalah susulan daripada surat pada 17 Mei lalu yang dihantar pihak pembeli baharu kepada Kementerian Kewangan untuk membayar balik pinjaman itu sepenuhnya.

"Saya yakin di bawah kepimpinan perdana menteri, isu ini akan diselesaikan secara terbaik di mana pihak NFC akan membayar balik baki tertunggak pinjaman kepada kerajaan, dan projek yang penuh dengan potensi ini akan dibangunkan semula oleh kerajaan dan pembeli baharu NFC," katanya.



Lim Guan Eng berkata, berdasarkan Penyata Lengkap Pinjaman Kerajaan Persekutuan setakat 30 April lalu daripada Jabatan Akauntan Negara, baki pinjaman NFC yang belum selesai kepada kerajaan Persekutuan berjumlah RM253,618,455.03, termasuk faedah dan faedah lewat.

15. Kerajaan buat tuntutan mahkamah terhadap hutang NFC

PUTRAJAYA: Jabatan Peguam Negara akan membuat tuntutan mahkamah terhadap National Feedlot Corporation Sdn Bhd (NFC) yang masih berhutang RM253.6 juta kepada Kerajaan Persekutuan.

Menteri Kewangan, Lim Guan Eng, berkata berdasarkan Penyata Lengkap Pinjaman Kerajaan Persekutuan setakat 30 April lalu daripada Jabatan Akauntan Negara, baki pinjaman NFC yang belum selesai kepada kerajaan Persekutuan berjumlah RM253,618,455.03, termasuk faedah dan faedah lewat.

"Daripada jumlah itu, sebanyak RM110,840,854.28 adalah jumlah bayaran yang tertunggak kepada Kerajaan Persekutuan setakat tarikh berkenaan, iaitu tunggakan pokok pinjaman sebanyak RM81,987,629.65, faedah sebanyak RM22,967,131.55 dan faedah lewat sebanyak RM5,886,093.08.

"Pada 4 September 2014, Notis Pengisyiharan Berlaku Keingkaran (Event of Default) selaras dengan klausu 14 Perjanjian Pinjaman antara kerajaan Persekutuan dan NFC telah dikemukakan kepada syarikat itu.

"Pihak Kementerian Kewangan kini mengambil keputusan untuk menuntut sepenuhnya jumlah pinjaman daripada NFC dan perkara ini telah diserahkan kepada Jabatan Peguam Negara pada 29 Ogos tahun lalu untuk tindakan selanjutnya.

"Perkara ini sedang diuruskan oleh pihak Jabatan Peguam Negara yang akan mengumumkan perkembangan kemajuan selanjutnya," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.

Guan Eng berkata, pada 9 Januari 2008, NFC telah mendapat kemudahan pinjaman daripada kerajaan Persekutuan berjumlah RM250,000,000 pada kadar faedah dua peratus dengan tempoh pinjaman selama 20 tahun dan tempoh tangguh (grace period) selama tiga tahun.

"Pinjaman ini bersandarkan debentur yang ditandatangani bersama perjanjian pinjaman pada 6 Disember 2007.

"Berdasarkan laporan usaha wajar (due diligence) syarikat perakaunan PwC, Ahli Lembaga Pengarah NFC bagi tempoh 6 Disember 2007 sehingga 31 Disember 2011 terdiri daripada Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail dan anak-anaknya, Izran, Izmir dan Izzana bersama wakil-wakil Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri.

"Bagaimanapun, carian Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) pada 17 Mei lalu, merekodkan Datuk Dr Mohamad Salleh Ismail sebagai satu-satunya Ahli Lembaga Pengarah NFC bersama dua Setiausaha Syarikat," katanya.

16. 1MDB: Keselamatan Jho Low terjamin jika pulang ke Malaysia - KPN

KUALA LUMPUR: Ketua Polis Negara, Datuk Seri Abdul Hamid Bador berkata keselamatan Low Taek Jho atau Jho Low terjamin jika ahli perniagaan dalam buruan itu kembali ke Malaysia untuk membantu siasatan 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Beliau berkata, dakwaan kononnya ahli perniagaan itu akan ditahan, diseksa dan dibunuhan sekiranya pulang adalah tidak benar sama sekali.

"Jaminan keselamatan yang sama juga akan diberikan kepada keluarga Jho Low dan enam lagi individu dikehendaki pihak berkuasa bagi membantu siasatan kes 1MDB.

"Malaysia mempunyai undang-undang, balik ke negara ini jika tidak bersalah dan jangan guna peguam untuk keluarkan kenyataan serta membuat penafian.

"Jho Low dan rakannya boleh pulang ke Malaysia bersama peguam terbaik untuk membela mereka, jangan ingat boleh lari selamanya," katanya selepas melancarkan Op Selamat 15/2019 sempena Hari Raya Aidilfitri di sini, hari ini.

Beliau juga mengulangi pihaknya mengetahui lokasi sebenar ahli perniagaan yang diburu itu berada namun tidak akan mendedahkannya kepada media.

"Kami tahu tempat persembunyian Jho Low dan rakannya dan polis menggunakan sumber yang ada termasuk bekerjasama dengan pihak berkuasa luar untuk mengesannya.

"Polis juga tahu di mana Pengarah SRC International Sdn Bhd (SRC International) Nik Faisal Ariff Kamil Nik Othman Arif Kamil berada," katanya.

Abdul Hamid berkata, kes 1MDB menjadi keutamaan beliau sejak memegang jawatan Ketua Polis Negara awal bulan ini.

Mengulas mengenai serbuan di firma juruaudit, Deloitte Malaysia semalam, Abdul Hamid berkata, pihaknya sedang mengumpul beberapa dokumen yang dipercayai ada kaitan dengan siasatan penyelewengan dana 1MDB.



ABDUL Hamid Bador ketika 'flag off' pada Pelancaran Op Selamat 15/2019 Sempena Aidilfitri di Menara Telekom Malaysia.



Peguam Negara, Tommy Thomas

17. 1MDB: Malaysia rayu keputusan Mahkamah Dagang London

KUALA LUMPUR: Malaysia menerusi Syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dan Menteri Kewangan Diperbadankan sudah memfaikan permohonan mendapatkan izin bagi merayu keputusan Mahkamah Dagang London ke Mahkamah Rayuan.

Peguam Negara, Tommy Thomas, berkata ia susulan keputusan Mahkamah London membenarkan permohonan mendapatkan semula AS\$3.5 bilion (RM14.69 bilion) daripada International Petroleum Investment Company (IPIC) diputuskan terlebih dahulu menerusi prosiding timbang tara yang tertutup.

Beliau berkata, keputusan mahkamah itu tidak memuaskan bagi Malaysia.

"Prosiding ini adalah langkah untuk mendapatkan semula sejumlah besar wang yang sudah dibayar oleh pentadbiran (Datuk Seri) Najib (Razak). Kerajaan tetap menumpukan usahanya untuk memastikan aset-aset Malaysia dapat dipulihkan semula.

"Sebagaimana yang dapat dilihat daripada penghasilan aset melalui proses pemulihan aset baru-baru ini, usaha kerajaan untuk mendapatkan keadilan bagi rakyat Malaysia berikutan apa yang diperihalkan sebagai 'kleptokrasi paling dahsyat' mula membuhkan hasil," katanya dalam satu kenyataan di sini, hari ini.

Beliau berkata, jika berjaya dalam tindakan undang-undang di United Kingdom, Malaysia dapat meneruskan usaha mendapatkan semula AS\$3.5 bilion (RM14.69 bilion) yang sudah dibayar anak

syarikat 1MDB kepada anak syarikat IPIC, sekali gus mengurangkan tanggungan membayar AS\$5.78 bilion (RM24.16 bilion) kepada IPIC dan Pemegang Amanah Bon bagi tempoh lima tahun.

"Dakwaan dikemukakan di Mahkamah Dagang London ialah Surat Ikatan Penyelesaian dan Award Persetujuan sudah direka oleh Najib sebagai sebahagian daripada konspirasi untuk menipu, dan IPIC dan Aabar Investments PJS (Aabar) tahu Najib bertindak bertentangan dengan kepentingan Menteri Kewangan Diperbadankan dan 1MDB," katanya.

Tommy berkata, Mahkamah Dagang London sudah menolak percubaan IPIC dan Aabar untuk membatalkan permohonan 1MDB dan Menteri Kewangan Diperbadankan untuk mencabar Award Persetujuan yang dipersetujui pentadbiran Najib.

"Mahkamah Tinggi juga menolak permohonan IPIC dan Aabar di bawah Seksyen 9 Akta Timbang Tara United Kingdom 1996 untuk menangguhkan permohonan 1MDB dan Menteri Kewangan Diperbadankan sementara menunggu prosiding timbang tara yang sedang berjalan, diputuskan," katanya.

Beliau berkata, Hakim Knowles dari Mahkamah Dagang London berpandangan kes di hadapannya adalah satu keadaan 'luar biasa dan mendorongnya' untuk berasa patut, daripada sudut pengurusan kes, membenarkan isu-isu utama antara pihak didengar terlebih dahulu dalam prosiding timbang tara yang sedang berjalan.

"Bagaimanapun, Mahkamah Tinggi menekankan bahawa ia kekal bersedia untuk meneruskan cabaran 1MDB dan Menteri Kewangan Diperbadankan pada bila-bila masa dengan mengambil kira keadaan semasa," katanya.

1MDB dan Menteri Kewangan Diperbadankan Oktober lalu memfailkan permohonan di Mahkamah Dagang di London, United Kingdom bagi mencabar Award Persetujuan yang direkodkan dua pihak dari Malaysia di bawah pentadbiran Najib pada Mei 2017 dengan IPIC Aabar.

Di bawah Award Persetujuan, Malaysia dikehendaki membayar AS\$5.78 bilion (RM24.16 bilion) kepada IPIC dan Pemegang Amanah Bon untuk tempoh lebih lima tahun, disebabkan Malaysia dikehendaki, antara lainnya, mengambil tanggungjawab penuh untuk semua bayaran faedah dan jumlah pokok di bawah dua bon dikeluarkan oleh 1MDB pada tahun 2012 yang dijamin bersama oleh IPIC.

Tommy berkata, setakat Mei ini, sebanyak AS\$1.6 bilion (RM6.7 bilion) sudah dibayar, meninggalkan baki sebanyak AS\$4.16 bilion (RM17.46 bilion).



AZAM BAKI

18. SPRM bakal guna undang-undang baharu dakwa syarikat terbabit rasuah

KUALA LUMPUR: Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bakal melaksanakan undang-undang baharu iaitu Seksyen 17A Akta SPRM 2009, yang akan berkuatkuasa pada Jun 2020.

Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM, Datuk Seri Azam Baki, berkata peruntukan undang-undang yang membolehkan syarikat terlibat rasuah didakwa itu, adalah untuk melaksanakan obligasi dan memenuhi tanggungjawab antarabangsa di bawah Artikel 26 'United Nation Convention Against Corruption (UNCAC)' yang merujuk kepada '*Liability Of Legal Person*'.

Beliau berkata, sebelum peruntukan itu wujud, Akta SPRM 2009 hanya tertumpu kepada pendakwaan atas '*natural person*' iaitu individu yang terlibat dengan rasuah sahaja.

"Oleh yang demikian, Seksyen 17A digubal bagi membolehkan syarikat yang menjalankan kegiatan rasuah, dikenakan tindakan sewajarnya berlandaskan undang-undang.

"Seksyen 17A telah diluluskan di Parlimen pada 5 April 2018, yang memperuntukkan kesalahan rasuah oleh organisasi komersil," katanya kepada Bernama.

Azam berkata, melalui seksyen berkenaan, organisasi komersil boleh didakwa sekiranya orang yang bersekutu dengan organisasi komersil itu terlibat dengan jenayah rasuah dengan tujuan untuk membolehkan organisasi komersil itu memperoleh atau mengekalkan kontrak atau kepentingan.

"Dalam masa sama, peruntukan itu menghendaki, sebagai tindakan pencegahan organisasi komersil untuk mewujudkan polisi dan usaha pencegahan rasuah dalam organisasi mereka dalam bentuk tatacara yang mencukupi," katanya.

Beliau berkata dalam menggubal peruntukan itu, SPRM telah merujuk kepada pelbagai sumber perundangan sama ada domestik atau luar negara.